



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 11.00 pagi , 12 Jun 2025

Untuk Terbitan Media  
12 Jun 2025

## SIARAN MEDIA

### KESUMA TERUS PERKUKUH SISTEM PERLINDUNGAN SOSIAL, PERKHIDMATAN PEKERJAAN

**BRUSSELS:** Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) terus memperkuuh sistem perlindungan sosial dan perkhidmatan pekerjaan menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) dimeterai antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Pejabat Kebangsaan Pekerjaan Belgium (NEO).

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, kerjasama strategik antara kedua-dua negara membuka ruang baharu untuk perkongsian pengetahuan, di samping berpotensi mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan, khususnya dalam aspek perkhidmatan pekerjaan dan perlindungan keselamatan sosial.

“Kolaborasi PERKESO dan NEO menandakan komitmen KESUMA untuk menerapkan amalan terbaik global yang juga dijangka mampu memacu inovasi dan memperkuuh keupayaan Malaysia dalam menghadapi cabaran pasaran kerja yang sentiasa berubah.

“Jika dibandingkan dengan Belgium, sistem keselamatan sosial di Malaysia masih berkembang dan beberapa aspek boleh diperkuuh, terutama dalam skim perlindungan keselamatan insurans pekerjaan dan lain-lain aspek termasuk penguatkuasaan, liputan dan integrasi yang melibatkan kedua-dua sektor pekerjaan formal dan tidak formal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa majlis pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Pejabat Kebangsaan Pekerjaan Belgium (NEO) di Brussels, semalam.

Pertukaran MoU berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (Strategi dan Korporat) PERKESO, Edmund Cheong Peck Huang dan Ketua Pegawai Eksekutif NEO, Dr. Jean Marc Vandenbergh, sambil disaksikan oleh Steven Sim, Duta Malaysia ke Belgium, Luxembourg dan Kesatuan Eropah, Dato' Mohd Khalid Abbasi Abdul Razak bersama Ketua Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO, Gayathri Vadivel.

Melalui kolaborasi ini, PERKESO berpeluang meneroka transformasi digital, strategi dan pembangunan dilaksanakan NEO, selain mendalami usaha membanteras penipuan rentas sempadan di peringkat global.

Mengulas lanjut, Steven Sim menyifatkan bahawa Belgium mempunyai sistem perlindungan sosial yang kukuh dengan faedah pengangguran dan program latihan semula yang berkesan, di samping terkenal dengan program latihan vokasional yang unggul serta kepakaran dalam sektor teknologi tinggi dan inovasi.

“Kerjasama ini turut merangkumi sektor teknologi dan inovasi, yang berpotensi memperkuat dasar pekerjaan dan perlindungan sosial untuk menjamin kesejahteraan rakyat secara menyeluruh,” katanya.

**##TAMAT##**

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**12 Jun 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah**

**+60193273193**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)